

28 FEB 1997

PM: PERJUMPAAN MENGENAI MENANGANI ISU EKONOMI BERHASIL

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sektor awam dan swasta kini mempunyai pandangan yang lebih jelas mengenai apa yang patut mereka lakukan untuk menangani pelbagai isu ekonomi, termasuk defisit imbalan pembayaran.

Katanya ini berikutan perjumpaan selama tiga jam Majlis Perdagangan Malaysia peringkat tinggi, yang mengandungi pemimpin-pemimpin korporat terkemuka di Bank Negara di sini.

Katanya majlis itu mengkaji pelbagai kertas kerja berkaitan dengan defisit imbalan pembayaran negara.

"Pengurangan di dalam defisit perdagangan negara baru-baru ini juga dijelaskan; pengurangan itu disebabkan oleh kenaikan nilai yen," kata Dr Mahathir.

Malaysia mencatatkan defisit perdagangan yang lebih rendah sebanyak RM618 juta dalam tahun 1996, penurunan sebanyak RM8.7 bilion, atau 93.4 peratus, berbanding dengan defisit sebanyak RM9.4 bilion pada 1995.

Perjumpaan itu juga membincangkan satu kertas kerja oleh Bank Negara mengenai industri perkhidmatan dan apa yang patut dibuat di dalam sektor-sektor pengangkutan, perkapalan dan insurans untuk mempertingkatkan lagi industri.

Beberapa cara disarankan untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan perdagangan, kata Perdana Menteri.

Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Abu Hassan Omar, Ketua Setiausaha Negara Datuk Halim Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert.

Yang lain termasuk Gabenor Bank Negara Datuk Ahmad Mohd Don, Pengerusi Permodalan Nasional Bhd Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Tan Sri Yahaya Ahmad Pengerusi Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan, Pengerusi Malaysian Airlines Tan Sri Tajudin Ramli, pemegang saham utama Binariang Sdn Bhd Ananda Krishnan dan Datuk Dr Noordin Sopiee, Ketua Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS).

Datuk Francis Yeoh, Pengarah Utusan YTL Corporation Bhd, menyifatkan perjumpaan itu sebagai berguna bagi sektor awam dan swasta untuk mendapatkan maklum balas.

Perjumpaan itu membolehkan sektor swasta mengetahui pendirian kerajaan di sebalik pelbagai dasar dan membolehkan kerajaan menilai pandangan-pandangan sektor swasta secara pragmatik, katanya.

Misalnya, katanya, sekiranya kerajaan mahu memperkenalkan sebarang undang-undang dan peraturan sektor swasta akan dapat memberikan inputnya.

"Sekurang-kurangnya, akan terdapat penapisan realiti mengenai sesuatu idea," katanya merujuk kepada meletakkan idea kepada ujian secara praktikal.

Yeoh berkata perjumpaan itu juga membincangkan tanggung jawab sosial sektor swasta di dalam pembinaan negara.

"Sektor swasta mungkin mempunyai banyak idea (mengenai perniagaan) tetapi kadangkala ia mungkin kehilangan aspirasinya mengenai tanggungjawab sosial. Jadi di sebalik menumpukan kepada isu-isu ekonomi semata-mata, perjumpaan itu diberitahu bahawa sektor swasta patut juga menumpukan kepada

pelbagai keburukan sosial yang melanda negara ini," tambahnya.

Yeoh berkata adalah baik bersikap prihatin mengenai perkara-perkara itu dan bagaimana sektor swasta dapat memberi sumbangan.

Mengulas mengenai perbincangan mengenai teknologi maklumat (IT), Encik Ismail Sulaiman, Pengarah Urusan Mesiniaga Sdn Bhd, berkata Perdana Menteri telah menekankan kepentingan IT dan Koridor Raya Multimedia. -- BERNAMA

HS SHY OS MA